

Lengkapkan petikan berikut dengan kata hubung yang sesuai.

yang	lalu	bahawa	seperti	sambil
manakala	untuk	tatkala	dengan	untuk

Kita Sudah Berjaya

Pagi Ahad yang lalu, Amar, Damrong, Izuni dan Iffah berkumpul di hadapan pintu masuk ke kawasan perumahan mereka. Mereka bercadang _____ membantu penduduk di kawasan perumahan mereka menyiapkan pondok kawalan keselamatan. Walaupun usia mereka masih muda, mereka sanggup memerah keringat demi sayang akan kawasan perumahan mereka.

Penduduk membawa alatan _____ cangkul, penukul, paku, kayu dan lain-lain. Seterusnya, ketua kampung berdiri _____ memberikan taklimat. Selepas itu, mereka mula bekerja _____ tekun. Ada yang ditugasi _____ membancuh simen. Izuni menyediakan minuman _____ Iffah menyiapkan makanan. Akhirnya, pondok keselamatan itu berjaya disiapkan _____ menjelang tengah hari. Setelah kerja selesai, penduduk kampung berehat _____ menikmati hidangan.

Kerja menyiapkan pondok keselamatan ini bukanlah perkara yang mudah. Ketua kampung menyatakan _____ hanya kerjasama yang jitu daripada penduduk dapat menyiapkan pondok tersebut. Oleh itu, ketua kampung mengucapkan terima kasih kepada semua _____ terlibat.